

## SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 20 Oktober 2017

### Kenyataan Khazanah berkaitan Ketua Pegawai Eksekutif baharu Malaysia Airlines

Seperti yang diperuntukan bawah Pelan Pemulihan MAS (“MRP”) yang mengandungi 12 perkara utama, Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) menyokong dan meluluskan pelantikan Kapten Izham Ismail sebagai Pengarah Eksekutif dan bakal Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (“GCEO”) Malaysia Airlines Berhad (“MAB”), berkuat kuasa serta merta. Ini adalah hasil daripada resolusi Lembaga Pengarah MAB pada hari ini, selepas rundingan dibuat dan seterusnya kelulusan diperoleh daripada Pengerusi Khazanah, YAB Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

MRP yang dilancarkan oleh Khazanah pada 29 Ogos 2014 menetapkan pembangunan dan penggantian bakat kepimpinan tempatan sebagai salah satu komponen utama dalam usaha penstrukturran yang dijalankan. Oleh yang demikian, pelantikan Kapten Izham adalah sejajar dengan rancangan penggantian bakat yang telah dirancang di MAB. Kapten Izham, yang kini merupakan Ketua Pegawai Operasi (“COO”), berpengalaman luas dalam bidang penerbangan dan telah berkhidmat di Malaysia Airlines selama 38 tahun. Beliau memulakan kerjayanya di syarikat penerbangan tersebut sebagai juruterbang pada tahun 1979.

Khazanah mengambil maklum bahawa sebagai COO, Kapten Izham telah memainkan peranan penting dalam pelaksanaan pelan pemulihan Malaysia Airlines. Pelantikannya sebagai GCEO akan memastikan kesinambungan dan kemajuan usaha penstrukturran semula bawah MRP yang berjangka masa lima tahun.

Setelah kira-kira 38 bulan dilancarkan, kini sudah hampir dua pertiga perjalanan pelaksanaan MRP yang berjangka masa lima tahun sudahpun selesai dan ia berada pada landasan yang betul. Seperti yang diperuntukan bawah MRP, penstrukturran semula Malaysia Airlines adalah mengikut rangka kerja tabdir urus dan kelulusan yang menyeluruh. Rangka kerja tersebut menyaksikan Khazanah, Lembaga Pengarah MAB, pengurusan dan kakitangan berganding bahu, dengan sokongan penuh daripada Kerajaan, untuk memastikan kelancaran proses penstrukturran semula MAB. Pendekatan secara kolektif ini akan terus memastikan proses penstrukturran semula MAB berada pada landasan yang betul untuk mencapai pemulihan penuh dan seterusnya keuntungan yang mampan.

## TAMAT

*Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Raslan Md Sharif di talian tel +603 2034 000 atau e-mel raslan.sharif@khazanah.com.my.*



KHAZANAH  
NASIONAL

### Tentang Khazanah Nasional

Khazanah Nasional Berhad adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk menguruskan aset-aset komersial milik Kerajaan dan melaksanakan pelaburan-pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti tenaga, telekomunikasi, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, riadah & pelancongan, hartanah kreatif & media, pendidikan dan inovasi & teknologi. Antara syarikat tersenarai utama di bawah portfolio pelaburan Khazanah adalah Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd.

Untuk sebarang maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila lawat [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my).